

01/12/1998

Malaysia tetap periuk nasi terbaik pekerja asing

Magendran Rajagopal

PERANGKAAAN terbaru Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) menganggarkan ada antara 70 hingga 85 juta pekerja bukan warga negara (pekerja asing), termasuk yang bekerja secara sah atau haram, di seluruh dunia.

Pekerja yang berhijrah dari Asia, mengikut statistik semasa, mencecah 15 juta dan kebanyakan daripada mereka memilih Timur Tengah, Amerika Utara, Eropah dan kalangan negara maju di rantau Asia sendiri.

Penghijrahan pekerja Asia, termasuk Malaysia, bermula seawal tahun 1960 lagi dan ketika itu Amerika Syarikat, Kanada dan Eropah menjadi pilihan untuk bekerja sebagai pembantu rumah, jururawat dan jurutera.

Sekitar tahun 1970-an pula, Timur Tengah yang semakin terkenal sebagai pengeluar minyak utama dunia menjadi pilihan pekerja asing, terutama sebagai buruh binaan, jururawat atau pembantu rumah dan mengikut anggaran 1975, hampir 560,000 pekerja asing berada di kawasan Teluk.

Menjelang 1985, angka itu meningkat kepada lima juta, termasuk hampir 70 peratus dari rantau Asia. Seiring itu, penghijrahan pekerja ke Asia Timur, yang pesat membangun sebagai pusat perindustrian, turut meningkat.

Faktor penggalak utama terhadap penghijrahan pekerja dijana oleh pembangunan pesat sektor industri yang secara tidak langsung meningkatkan kos pengeluaran, terutama peningkatan kadar gaji pekerja tempatan.

Fenomena itu juga mewujudkan warga kerja tempatan yang terlalu memilih dan kebanyakan syarikat terpaksa memindahkan operasi ke negara dunia ketiga atau membuka pintu kepada pekerja asing bagi menjimatkan kos.

Di Malaysia, rombakan sistem perindustrian serta globalisasi ekonomi serta liberalisasi perdagangan antarabangsa membuka peluang kepada pekerja tempatan dalam bidang berteknologi tinggi atau sektor perkhidmatan.

Secara tidak langsung, ia mewujudkan kekosongan bagi sektor pekerjaan yang kini dianggap hina, kotor dan berbahaya meskipun pada asalnya ia dilakukan oleh rakyat tempatan.

Pertumbuhan pesat ekonomi negara pada kadar tahunan lapan peratus suatu ketika dulu berikutan pembangunan pesat sektor perindustrian dan elektronik menyebabkan pengabaian sektor pertanian yang menjadi asas ekonomi negara.

Saki baki pertanian yang masih dijalankan pula hanya berasaskan pasaran eksport dan tidak diceburi oleh pekerja tempatan kerana mereka lebih menggemari bidang teknikal dan elektronik tertentu dalam sektor perkilangan atau perindustrian.

Kekosongan itu diisi oleh pendatang asing, terutamanya dari Indonesia, Filipina, Thailand dan Bangladesh, yang kebanyakannya menjadi pekerja ladang, buruh binaan, pembantu rumah atau tukang cuci.

Mengikut perkiraan Forum Pekerja Asing Asia (AMF), Malaysia mempunyai hampir 1.3 juta pekerja asing, termasuk dari Indonesia, Bangladesh, Filipina dan Pakistan yang mempunyai permit sah manakala pekerja tanpa izin pula dianggarkan antara 300,000 hingga 1.5 juta.

Peningkatan kadar kemiskinan, pengangguran dan jurang perbezaan antara golongan kaya dan miskin mendorong mereka berhijrah mencuba nasib di negara lain yang ketika itu mengecapi zaman mewah.

'Import' pekerja asing sudah menjadi satu kemestian kerana syarikat terpaksa meningkatkan kadar pengeluaran bagi menambah kadar kemasukan tukaran wang asing untuk melangsaikan hutang dan mengimbangi defisit supaya ekonomi dan nilai mata wang stabil.

Sejak awal 1990-an, negara Asia bertarung antara satu sama lain bagi

menjadi gergasi ekonomi serantau dan meraih gelaran harimau Asia tanpa menghiraukan implikasi berikutan tindakan mereka bagi mencapai status itu.

Perdagangan bebas serta liberalisasi ekonomi menjadi pegangan untuk meningkatkan daya saing di persada antarabangsa. Lantaran itu, syarat bagi pekerja asing dilonggarkan untuk memenuhi permintaan tenaga buruh tempatan.

Meskipun pertumbuhan ekonomi berlipat ganda, ia juga mendedahkan pasaran rantau Asia kepada pelabur asing, terutama mereka yang berminat mengaut keuntungan jangka pendek menerusi spekulasi kewangan.

Tamparan pertama dialami oleh Thailand pada tahun 1996 apabila mata wangnya (baht) menjadi sasaran spekulator mata wang yang memuncak pada pertengahan 1997 sehingga menggugat keutuhan ekonomi negara itu.

Kegagalan mengawal krisis terbabit berakhir dengan kejatuhan mendadak nilai baht. Menjelang Oktober 1997, nilai baht susut 21.5 peratus berbanding ringgit dan ekonomi Asia turut terjejas Disember berikutnya.

Kehambaran ekonomi Jepun ketika itu turut menyukarkan usaha pemulihan ekonomi yang dirumus oleh Thailand, Indonesia, Filipina dan Malaysia, malah Korea Selatan yang dianggap sebagai gergasi ekonomi ke-11 terbesar di dunia turut mengalami kesan awal krisis ekonomi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pernah berkata krisis tahun 1997 yang dicetuskan spekulator mata wang itu melenyapkan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan yang dicapai selama 10 tahun yang lampau dalam sekelip mata.

Meskipun Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) yang menyediakan pinjaman untuk menjana konsep globalisasi perdagangan dan liberalisasi ekonomi, krisis seburuk yang dialami itu langsung tidak dijangka atau dipertimbang kemungkinannya.

Namun IMF juga cuba menjadi penyelamat dengan menyediakan pakej bantuan kewangan berjumlah lebih AS\$117 bilion bersama Bank Dunia, Pertubuhan Perdagangan Antarabangsa (WTO) tetapi beberapa negara, termasuk Malaysia agak sangsi dengan bantuan yang dihulurkan.

Malah bekas Setiausaha Kerajaan Amerika Syarikat, George Schultz, dipetik berkata dalam Asiaweek 22 Mei 1998 bahawa:

"Jika tidak kerana IMF, keadaan di Asia mungkin tidak seburuk yang dialami kini. Pada pendapat saya kebanyakan masalah sekarang berpunca daripada IMF."

Namun hakikat itu disedari agak lewat dan negara terpaksa menyusun semula strategi pemulihan ekonomi yang sesuai dengan kemampuan dan kesediaan sektor tempatan meniti era pembangunan dan penstrukturan semula.

Krisis kewangan negara bermula dari Januari 1997 dan semakin tenat sehingga akhir tahun apabila pasaran saham susut 53 peratus awal 1998 dan ringgit berada pada paras paling rendah iaitu RM4.88 untuk AS\$1, kejatuhan 48 peratus berbanding awal 1997.

Kadar faedah pinjaman meningkat, begitu juga dengan harga barangan pengguna, terutama makanan, getah dan minyak kelapa sawit menggugat kemampuan negara dalam pengeluaran hasil pertanian yang tidak diendahkan ketika sibuk mengejar status negara perindustrian.

Sektor binaan turut terjejas dan kebanyakan projek terpaksa ditangguh atau dihentikan manakala pekerja terpaksa menghadapi potongan gaji atau diberhentikan kerja.

Berdasarkan statistik Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), daripada Julai hingga akhir 1997, hampir 10,000 pekerja kolar biru diberhentikan kerja dan mengikut perangkaan Kementerian Sumber Manusia pula 25,860 pekerja tempatan dan 3,030 pekerja asing diberhentikan kerja daripada Januari hingga 9 Mei 1998.

Daripada Julai 1997 hingga Mac 1998, 435 syarikat diisytiharkan muflis, dan bank serta institusi tempatan digalak bergabung manakala kebanyakan

syarikat tempatan terpaksa gulung tikar jika tidak mengecilkan operasi.

Sehingga 28 Oktober tahun ini, 120,013 pendatang asing dihantar pulang dengan pendatang Indonesia mencatatkan angka terbesar iaitu 104,627 dan pada masa yang sama, kemasukan pendatang asing pula meningkat.

Mengikut statistik semasa AMF, kadar pengangguran di Indonesia kini melebihi 20 juta dan kemelut ekonomi sudah melumpuhkan negara itu manakala usaha pemulihan setakat ini tidak menunjukkan kesan.

Gejala itu akan berterusan memandangkan pergolakan ekonomi yang melanda negara jiran kita jauh lebih buruk dan Malaysia akan tetap menjadi tumpuan warga asing meskipun bahang kegawatan sudah mula dirasakan warga tempatan sendiri.

(END)